



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

Jangan biar Islam terus diperleceh

Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memperuntukkan Islam agama bagi Persekutuan. Pengiktirafan kedudukan agama Islam dalam undang-undang yang paling tinggi di negara kita menunjukkan betapa agama rasmi Persekutuan ini perlu dipelihara, dijaga, dimartabatkan, dihormati dan terus dipertahankan dengan anutan agama lain terus dibenarkan tanpa sebarang sekatan mahupun halangan.

Maka sebagai warga bertanggungjawab sama ada beragama Islam mahupun sebaliknya menjadi kewajipan untuk kita bersama berganding bahu memelihara kesucian Islam kerana Islam agama Persekutuan.

Tidak boleh ada kompromi dalam hal sensitif seperti ini kerana ia membabitkan kerukunan hidup masyarakat selama ini. Perkara ini juga menjadi antara asas utama pembentukan kontrak sosial yang menjadi panduan masyarakat majmuk negara kita sekian lama.

Namun, beberapa insiden yang berlaku mutakhir ini seolah-olah ada usaha licik pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab untuk meragut kesucian agama rasmi Persekutuan ini. Walaupun kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan sudah cukup jelas, malah Malaysia juga terus diiktiraf sebagai negara Islam oleh masyarakat antarabangsa, apa yang berlaku mutakhir ini menimbulkan persoalan cukup merisaukan sehingga mencetuskan persoalan apalah nasib Islam di negara ini.

Hal ini penting untuk dihayati oleh setiap warga negara ini secara serius kerana ada dalam kalangan kita sendiri yang cuba meragut kesucian agama Islam di bumi bertuah ini.

Kerakusan laman sosial

Pelbagai insiden sebelum ini, terutama membabitkan kerakusan segelintir rakyat kita dalam menggunakan laman sosial seperti Facebook untuk mencemar agama Islam mahupun mengaibkan umat Islam bukan saja mengejutkan tetapi juga cukup mengecewakan.

Mengajak umat Islam membuka puasa dengan hidangan khinzir, beraya dengan anjing serta penggunaan surau untuk upacara keagamaan oleh penganut

agama lain antara perbuatan dan tindakan cukup keterlaluan dan boleh dikatakan mencabar kedudukan agama Islam seperti digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sebelum ini isu azan turut dijadikan polemik. Dan antara isu terkini ialah polemik penggunaan kalimah Allah dalam Bible atau pun tuntutan penganut agama Kristian terhadap penggunaan kalimah Allah.

Biarpun dengan jelas Mahkamah Rayuan memutuskan buletin The Herald, penerbitan mingguan Katolik dilarang daripada menggunakan kalimah Allah, tindakan pihak tertentu untuk terus mencabar keputusan mahkamah terbabit, sekali gus berkeras dan masih mahu menggunakan kalimah Allah ternyata cukup merisaukan.

“Jangan kita menyesal andai satu hari nanti anak cucu kita hanya mengetahui Islam pernah menjadi agama rasmi negara ini melalui buku sejarah

Akibatnya perbuatan terbabit mencetuskan api kemarahan dalam kalangan umat Islam negara ini. Hasilnya laporan polis semakin bertambah serta perhimpunan terus diadakan di seluruh negara untuk membantah tindakan terbabit.

Ini ditambah pula dengan beberapa siri kejadian lain seperti membantah isi kandungan khutbah Jumaat serta tindakan pihak tidak bertanggungjawab yang membaling ketulan daging khinzir di hadapan masjid.

Apa motif kejadian seumpama ini? Apakah ingin mencabar undang-undang dan perlembagaan? Atau mahu mencemar kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan.

Persoalan utama dalam hal ini apakah ini yang dikatakan sebagai hak asasi dan kebebasan bersuara walaupun dengan jelas melanggar peraturan, mencabar undang-undang serta merosakkan keharmonian dan perhubungan kaum di negara kita. Se-

kali lagi kita risau dengan kedudukan Islam di negara ini andai situasi ini dibiarkan berterusan tanpa kawalan.

Kenapa sukar sangat untuk menghormati dan memahami apa yang sudah terpatery dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan? Kalau generasi terdahulu mampu menerima dan bertolak-ansur demi perpaduan dan keharmonian hidup kenapa generasi hari ini begitu mementingkan diri? Apakah kita lupa soal agama dan kaum adalah dua isu sensitif yang boleh mengganggu gugat perpaduan negara dan penyatuan nasional yang sedang kita nikmati sekian lama.

Nasib agama rasmi

Penulis rasa cukup sedih mengenangkan nasib agama rasmi di negara ini, rasa cukup kecewa dan terkilang dengan tindakan duk warga sendiri yang cuba merosak dan menghancurkan jambatan perpaduan yang kita bina atas platform kontrak sosial dan Perlembagaan Persekutuan.

Generasi muda perlu segera bangkit daripada lamunan. Jangan terus leka dan lalai dengan pelbagai gajet serta ketagihan terhadap laman sosial, sebaliknya ambil tahu apa yang sedang berlaku di sekitar kita. Mereka muda, perlu menjadi benteng dalam mempertahankan jambatan perpaduan di negara kita.

Sama ada Melayu, Cina mahupun India perlu memahami semangat dan roh kontrak sosial serta Perlembagaan negara. Kesucian Islam perlu dipertahankan tanpa sebarang kompromi oleh semua kaum, terutama penganut agama lain. Marilah bersama-sama kita pertahankan kedudukan dan maruah agama rasmi Persekutuan ini.

Umat Islam negara ini juga perlu segera lupakan segala sengketa dan pertelagahan, seterusnya bersatu atas nama Islam kerana kerapuhan perpaduan mereka boleh menjadi senjata utama pihak yang cuba menanggung di air keruh untuk mencemarkan Islam selama ini.

Jangan kita menyesal kemudian hari andai satu hari nanti anak cucu kita hanya mengetahui Islam pernah menjadi agama rasmi negara ini melalui buku sejarah semata-mata.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM